

4 agensi wajib lapor situasi terkini banjir setiap hari

UM - 24/12/2021 mlc: 3

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my


PETALING JAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengarahkan empat agensi penyelamat kerajaan melaporkan maklumat terkini berkaitan situasi banjir kepada rakyat setiap hari.

Agensi-agensi tersebut ialah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Perdana Menteri berkata, penglibatan seluruh barisan hadapan kerajaan yang membantu mangsa bencana itu harus sentiasa bersedia demi membantu Keluarga Malaysia.

“Saya mengarahkan Nadma, PDRM, bomba dan ATM membuat laporan harian kepada seluruh Keluarga Malaysia mulai hari ini (semalam),” kata beliau di Twitter semalam.

Menurut Ismail Sabri, sidang akhbar harian semalam dimulakan Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryll Sani Abdullah Sani pukul 10 pagi diikuti Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan



SEORANG wanita melihat telefon bimbit sambil dikelilingi pelbagai jenis barang rosak akibat banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Sri Affendi Buang pukul 12 tengah hari.

Jelas beliau, sidang akhbar kemudian diteruskan Ketua Pengarah Bomba, Datuk Seri Mohamad Hamdan Wahid pukul 2 petang dan Ketua Pengarah Nadma, Datuk Dr. Aminuddin Hasim pukul 4 petang.

“Saya yakin laporan ini dapat memberi gambaran jelas berhubung situasi terkini bencana di seluruh negara,” katanya.

Semua sidang akhbar semalam berlangsung di Bilik Operasi Nadma, Persiaran Kemuning Prima, Taman Sri Muda, Shah Alam.

Selasa lalu, Ismail Sabri mengakui berlaku kelewatan menghantar bantuan kepada mangsa banjir terutama di Selangor.

Bagaimanapun, situasi tersebut tidak disengajakan sebaliknya semua peringkat termasuk kerajaan negeri dan patut turut bertanggungjawab.